KERAJAAN NEGERI KELANTAN



# RINGKASAN EKSEKUTIF

# PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI KELANTAN 2030

BERSAMA MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DIGITAL

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

KERAJAAN NEGERI KELANTAN



# RINGKASAN EKSEKUTIF

# PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI KELANTAN 2030

BERSAMA MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DIGITAL

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI KELANTAN 2030**
**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Hakcipta terpelihara.
©Kerajaan Negeri Kelantan, 2024

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara sama ada secara elektronik atau mekanik termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan terlebih dahulu. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

*"Sumber : Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030"*

***Diterbitkan oleh:***

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Aras 1, Blok 6, Kompleks Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu Kelantan.

Tel : 09-7481957
Faks : 09-7430504
Portal : https://www.kelantan.gov.my
E-mel : bptm@kelantan.gov.my

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| **PERUTUSAN**<br>Menteri Besar Kelantan | 6 |
| **KATA ALU-ALUAN**<br>Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan | 8 |
| **PRAKATA**<br>Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Kerajaan Negeri Kelantan | 10 |
| **PENDAHULUAN** | |
| Pengenalan | 13 |
| Asas Pembangunan Pelan | 14 |
| **LANSKAP SEMASA DI MALAYSIA** | |
| MyDIGITAL dan Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia | 16 |
| **LANSKAP SEMASA DI KELANTAN** | |
| Gambaran Ringkas Negeri Kelantan | 18 |
| Keunikan Negeri Kelantan | 18 |
| Agenda Utama di Negeri Kelantan | 18 |
| Prestasi Ekonomi Negeri Kelantan 2030 | 18 |
| Subsektor Perkhidmatan Maklumat dan Komunikasi | 19 |
| Pendapatan e-Dagang *(e-Commerce Income)* 2019 & 2021 | 19 |
| Perbelanjaan e-Dagang *(e-Commerce Income)* 2019 & 2021 | 19 |
| Rekod Petunjuk Prestasi Pelaksanaan Ekonomi Digital Negeri Kelantan | 19 |
| (a) Program Ekonomi Digital di bawah Program Pembangunan Sains dan Teknologi Negeri Kelantan (PPST) | 19 |
| (b) Program Ekonomi Digital Dengan Kolaborasi Majlis Pembangunan Usahawan Kelantan (MPUK) | 19 |
| (c) Aplikasi Pembayaran Tanpa Tunai di Kelantan | 19 |
| (d) Aplikasi E2E di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan | 19 |
| (e) Bilangan Usahawan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) Yang Terlibat Dalam Keusahawanan Digital di Bawah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Sehingga Tahun 2023 | 19 |
| (f) Ruang Daya Cipta (RDC) di Kelantan | 19 |
| (g) Usahawan PMKS Yang Terlibat Dalam IR 4.0 di Kelantan | 19 |

| | |
|---|---|
| **PENCAPAIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI DI KELANTAN** | |
| (1) Status Kesalinghubungan | 20 |
| (2) Pelaksanaan Infrastruktur Komunikasi 5G di Kelantan | 20 |
| (3) Ketersediaan Infrastruktur Gentian Optik (FTTH) & Capaian Liputan Mudah Alih 4G/LTE di Kawasan Berpenduduk di Kelantan | 21 |
| (4) Pusat Ekonomi Digital (PEDi) | 21 |
| (5) Program Ekonomi Digital di Kelantan Bersama MDEC | 21 |
| **DAPATAN INDEKS EKONOMI DIGITAL NEGERI (IEDN) KELANTAN** | 22 |
| **ISU / MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN KE ARAH MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DIGITAL** | 23 |
| **HALA TUJU STRATEGIK EKONOMI DIGITAL NEGERI KELANTAN** | |
| Rangka Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan | 25 |
| (1) Teras Strategik 1 : Pemacuan Transformasi Digital Sektor Awam Negeri Kelantan | 26 |
| (2) Teras Strategik 2 : Peningkatan Daya Saing Ekonomi Melalui Pendigitalan | 32 |
| (3) Teras Strategik 3 : Pembinaan Infrastruktur Digital Yang Menyokong | 36 |
| (4) Teras Strategik 4 : Pembangunan Bakat Digital Yang Tangkas dan Kompeten | 40 |
| (5) Teras Strategik 5 : Pewujudan Masyarakat Digital Yang Inklusif | 45 |
| (6) Teras Strategik 6 : Pembinaan Persekitaran Digital Yang Dipercayai, Selamat dan Beretika | 49 |
| **INISIATIF BERDASARKAN SEKTOR** | |
| Sektor Pertanian | 53 |
| Sektor Perlombongan | 56 |
| Sektor Pembuatan | 56 |
| Sektor Perkhidmatan | 57 |
| **SASARAN UTAMA** | 61 |
| **STRUKTUR TADBIR URUS** | 63 |
| **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB** | 64 |
| **PENUTUP** | 66 |

# PERUTUSAN

## MENTERI BESAR KELANTAN

**YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud**
*S.J.M.K., D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)*



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Firman Allah SWT :**

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ يَحۡفَظُونَهُۥ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ
مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ سُوٓءٗا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ١١

**Maksudnya :**

*"Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. **Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.** Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.*

*Al-Quran, Surah Ar-Ra'd Ayat 11*

Alhamdulillah, marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, dengan taufik dan inayah-Nya dapat kita sama-sama menjayakan Pembangunan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 dengan jayanya.

Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 merupakan salah satu perkara yang diberikan keutamaan dalam masa 100 hari di bawah fasa pentadbiran Penghayatan Membangun Bersama Islam iaitu Pelancaran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030.

Antara lain pelan ini mengandungi cadangan Program Latihan Kemahiran Digital dan Industri Kreatif yang berorientasikan Modul Penghayatan Membangun Bersama Islam. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha menggubal Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 untuk memenuhi keperluan negeri dan rakyat Kelantan dalam pembangunan digital.

Dengan pembangunan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 ini, ianya akan memberi manfaat kepada rakyat, perniagaan dan kerajaan negeri. Rakyat akan menikmati penambahbaikan literasi digital, pertambahan peluang pekerjaan, peningkatan kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar, perniagaan akan dapat mengoptimumkan sumber, mengembangkan operasi dan memperluaskan pasaran manakala kerajaan negeri akan dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik, cekap dan telus.

Akhir kata, saya berharap semoga Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mudah-mudahan segala usaha murni ini akan mendapat keredhaan daripada Allah SWT dan dijadikan sebagai pahala untuk bekalan kehidupan di akhirat nanti. Insya-Allah.

Siiru ‘Ala Barakatillah, Sekian Wassalam

# KATA ALU-ALUAN




## SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**YB Dato' Kaya Setia**
**Datuk Nazran bin Mohamed**
P.J.N., S.*P.S.K (Kelantan)*

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya, pentadbiran Membangun Bersama Islam ini dapat terus melangkah kehadapan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran. Sedar ataupun tidak sedar, kini kita sedang berada di era kerajaan digital di mana proses membangun dan menggunakan teknologi digital bagi tujuan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan berkembang dengan pesat. Melalui pendigitalan, perkhidmatan dapat ditawarkan kepada pelanggan secara dalam talian ataupun *on-line* menggunakan kemudahan internet. Selaras dengan trend semasa serta keperluan pengguna, pendigitalan perkhidmatan merupakan agenda utama kerajaan negeri bagi mewujudkan akses yang lebih pantas kepada perkhidmatan yang disediakan.

Justeru itu, pentadbiran ini sentiasa memberi penekanan kepada ketua-ketua jabatan/agensi kerajaan negeri supaya dapat mengenalpasti fungsi utama *(core business)* yang perlu dibangunkan sistem aplikasi secara dalam talian. Perkara ini bertepatan dengan salah satu objektif pendigitalan Kerajaan Persekutuan adalah untuk meningkatkan jumlah ataupun peratus perkhidmatan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa perlu berurusan secara bersemuka. Perkhidmatan dalam talian sepenuhnya yang lebih dikenali sebagai *end-to-end (E2E)* akan menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Ianya mudah, cepat dan selesa serta tiada had masa.

Untuk itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 yang telah menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan ekonomi Negeri Kelantan untuk tempoh masa sehingga tahun 2030 termasuklah menetapkan sasaran menyumbang kepada 80% perkhidmatan Kerajaan Persekutuan dalam talian dari peringkat awal ke akhir (end-to-end) pada 2025 sebagaimana yang terkandung dalam Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Selain itu, kerajaan negeri juga menetapkan sasaran transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama di sektor awam negeri Kelantan pada tahun 2024.

Melalui pelan tindakan ini tumpuan dapat diberikan secara lebih khusus kepada pengukuhan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bagi mendaya upaya sistem penyampaian kerajaan seiring dengan agenda pendigitalan kerajaan negeri melalui Teras Strategik 1 iaitu Pemacuan Transformasi Digital Sektor Awam Negeri Kelantan yang bertujuan memacu transformasi sektor awam negeri untuk menjadi kerajaan digital. Ini akan dicapai dengan memanfaatkan penggunaan teknologi, data dan kecerdasan digital, meningkatkan set kemahiran digital penjawat awam negeri dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam talian.

Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 juga telah menggariskan rancangan untuk mempercepatkan pencapaian Kelantan sebagai negeri yang berdaya saing di era kerajaan digital dan menyumbang kepada pencapaian Kerajaan Persekutuan dalam ekonomi digital di peringkat serantau. Pelan ini adalah selari dengan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan – Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan (2016 - 2025) dan sejajar dengan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia.

Diharapkan agar pelan tindakan ini akan menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Negeri Kelantan pada tahun 2025, mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas dalam ekonomi digital, meningkatkan pelaburan dalam sektor digital dan meningkatkan transaksi tanpa tunai di sektor awam negeri pada tahun 2024.

Semua ketua-ketua jabatan/agensi negeri adalah diharapkan agar mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melaksanakan pelan tindakan ini. Akhir kata, marilah sama-sama kita memanjatkan doa kepada Allah SWT agar Negeri Kelantan sentiasa dilimpahi Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan di bawah pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam.

Sekian, Wassalam.

# PRAKATA

## PENGERUSI JAWATANKUASA PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, TEKNOLOGI HIJAU, DIGITAL DAN INOVASI KERAJAAN NEGERI KELANTAN



**YB Dato' Haji Wan Roslan bin Wan Hamat**
*D.J.M.K., J.M.K., A.S.K.*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi lafaz syukur kita ucapkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinan daripada-Nya, Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 telah dapat dibangunkan dengan jayanya hasil kerjasama semua pihak yang terlibat. Dalam era pendigitalan ini telah diketahui umum bahawa urusan ekonomi, pendidikan, pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berkualiti secara digital bergantung kepada keupayaan talian internet. Justeru itu, bagi memastikan perkara ini berjalan lancar dan Kelantan tidak ketinggalan dalam era pendigitalan, sudah tiba masanya untuk kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan seiring dengan inisiatif MyDIGITAL meletakkan asas yang kukuh bagi membangunkan Negeri Kelantan dengan infrastruktur digital yang inklusif, menggalakkan penjanaan inovasi teknologi dan mewujudkan ekosistem digital ke arah menjadikan Kelantan sebuah negeri yang tersedia dan mempunyai potensi tinggi dalam ekonomi digital. Ini semua akan menyumbang ke arah taraf hidup yang lebih baik dengan hasilnya akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Kelantan.

Terdapat dua (2) pendekatan strategik yang akan diambil oleh kerajaan negeri dalam memupuk ekosistem ekonomi digital. Pertama, kerajaan negeri akan membangunkan model pertumbuhan ekonomi masa depan yang banyak bergantung kepada pelbagai inovasi dan teknologi. Kedua, kerajaan akan menggalakkan usaha untuk meningkatkan produktiviti penciptaan perniagaan digital di samping mengekalkan pertumbuhan yang sekata di Negeri Kelantan. Usaha ini akan meningkatkan permintaan domestik, meningkatkan perdagangan antara negeri dan menyediakan peluang untuk kepelbagaian ekonomi.

Walau bagaimanapun, kejayaan pendekatan di atas perlu disokong dengan penambahbaikan kualiti infrastruktur digital sedia ada dan pembinaan infrastruktur digital baharu yang merupakan tulang belakang dalam membentuk sebuah ekosistem digital yang mampan. Justeru itu, saya difahamkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah merangka dan melaksanakan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang menyasarkan penyediaan kemudahan infrastruktur fiber di seluruh Kelantan.

Sehingga tahun 2023, sebanyak 109,397 premis telah dibuat sambungan fiber. Sasaran projek JENDELA ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan yang telah mengiktiraf kemudahan infrastruktur komunikasi sebagai utiliti asas ke-3 selepas air dan elektrik dan telah bersetuju menerima pakai Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I) dalam setiap projek pembangunan di Negeri Kelantan.

Penerimaan GPP-I akan dapat membantu penyediaan infra komunikasi di peringkat yang lebih awal dan secara tidak langsung akan dapat mengatasi masalah kelewatan penyediaan keperluan tersebut bagi memenuhi keperluan orang ramai.

Oleh itu, Kerajaan Negeri berharap agar perkara ini dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui SKMM berdasarkan pelan tindakan yang terkandung dalam Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Selain itu di Kelantan, kerajaan negeri sangat menekan kepada rakyat supaya menggunakan kemudahan Internet secara sejahtera dengan mengetengahkan Dasar Internet Thoyyibah iaitu penggunaan internet untuk tujuan yang sejahtera dan dapat memberi manfaat termasuklah untuk menggerakkan ekonomi digital dan sekaligus mendatangkan kemakmuran dan keberkatan kepada Negeri Serambi Mekah ini.

Insya-Allah saya berkeyakinan penuh bahawa pelan yang dihasilkan ini mampu diterjemahkan bagi memacu pertumbuhan ekonomi digital di Negeri Kelantan untuk mencapai sasaran/KPI yang ditetapkan pada tahun 2030 mengikut acuan Islam.

Sekian, Wassalam.

# PENDAHULUAN

# PENGENALAN

Ekonomi digital merujuk kepada semua aktiviti ekonomi yang menggunakan maklumat dan pengetahuan digital sebagai faktor utama pengeluaran. Di antara faedah-faedah ekonomi digital ialah seperti berikut:

(a) Meningkatkan kualiti hidup

(b) Mencipta lebih banyak peluang pekerjaan

(c) Meningkatkan pengalaman pelanggan

(d) Membangunkan kemahiran yang lebih tinggi *(Higher Skills)* dan tenaga kerja yang berbakat *(Talented Workforce)*

(e) Meningkatkan produktiviti

(f) Meningkatkan perniagaan,perdagangan dan eksport

(g) Tumpuan destinasi pelaburan yang menarik

(h) Mencapai pendapatan lebih tinggi dan pertumbuhan ekonomi melalui teknologi digital.

Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif merangka Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 (PTEDNK 2030) untuk menyediakan hala tuju, menggariskan strategi, inisiatif dan program serta menetapkan sasaran bagi membina asas dalam memacu pertumbuhan ekonomi digital di Negeri Kelantan seterusnya memberi sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi negeri khususnya dan kepada ekonomi negara amnya.

Penyediaan pelan ini sebagai langkah untuk menguasai teknologi digital dengan meraih peluang yang wujud, merapatkan jurang digital dan membina asas untuk memacu pendigitalan di Negeri Kelantan. Ianya juga sebagai langkah untuk menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang tidak ketinggalan dalam ekonomi digital dan berada di landasan yang betul untuk menjadi negeri yang maju, berkat dan sejahtera menjelang 2030 seiring dengan peringkat nasional.

PTEDNK 2030 memberi penekanan kepada komponen utama ekonomi digital yang merangkumi kerajaan digital, bakat digital yang bersesuaian dengan matlamat, infrastruktur digital yang menyokong, masyarakat digital yang inklusif dan persekitaran digital yang selamat serta terjamin. Penyediaan PTEDNK 2030 ini memberi manfaat kepada semua pihak termasuk rakyat, perniagaan dan Kerajaan Negeri.

# ASAS PEMBANGUNAN PELAN

Di dalam Al-Quran, Allah SWT menyebutkan tentang perancangan (pelan) tindakan strategik sebagaimana kisah Nabi Yusof AS di mana ketika utusan Raja Mesir datang kepada Nabi Yusuf AS di dalam penjara meminta beliau mentakwilkan mimpi, (Setelah ia (yakni utusan Raja Mesir) berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia) : “Yusuf, wahai orang yang benar (pada segala-galanya). Ta’birkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat) tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (ta’birkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui ta’birnya.” Yusuf menjawab: “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun yang bersangatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). “Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya).

*Terjemahan Al-Quran, Surah Yusuf, ayat 46 – 48*

Dan setelah Allah SWT membersihkan Nabi Yusuf AS daripada segala fitnah dan tuduhan jahat dan Nabi Yusuf AS dibebaskan daripada penjara dan kemudiannya beliau telah dilantik menjadi pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir) oleh Raja Mesir.

Setelah dilantik, Nabi Yusuf AS telah melaksanakan perancangan (pelan) tindakan strategik untuk mengatasi kesukaran dan ujian kelaparan yang dijangka akan menimpa Mesir. Baginda mencadangkan beberapa langkah positif yang perlu diambil bagi menghadapi kemarau yang panjang iaitu selama tujuh tahun sebagaimana ta’bir mimpi Nabi Yusuf AS Hasil pemikiran dan perancangan Nabi Yusuf AS yang berdasarkan petunjuk daripada Allah SWT kepadanya, maka rakyat Mesir terhindar daripada ujian kelaparan akibat bencana kemarau dan sekaligus dapat mengatasi satu malapetaka besar.

Kisah Nabi Yusof AS memberikan natijah yang signifikan ialah salah satu aspek yang ditekankan ialah pelan tindakan dibuat untuk masa tujuh tahun pelaksanaan dan penggunaan untuk tujuh tahun yang akan datang. Demikianlah ilmu perancangan (pelan) tindakan strategik yang tercatat di dalam al-Quran untuk kerajaan yang memerintah dan kepentingan umat manusia keseluruhannya terutamanya umat Islam. Semua ini membuktikan Islam amat mementingkan perancangan (pelan) yang teratur dan sistematik. Ini menunjukkan pentingnya Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan perancangan ekonomi digital di Negeri Serambi Mekah ini berjaya dilaksanakan.

# LANDSKAP SEMASA DI MALAYSIA

# MyDIGITAL DAN RANGKA TINDAKAN *(BLUEPRINT)* EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

Inisiatif MyDIGITAL dan Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Kelapan pada 19 Februari 2021.

MyDIGITAL adalah satu agenda besar negara yang akan memayungi pelbagai usaha serta inisiatif Kerajaan dalam mentransformasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi berasaskan teknologi dan pendigitalan.

MyDIGITAL berhasrat membantu rakyat menguasai teknologi untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup. MyDIGITAL menggariskan inisiatif dan outcome bersasar untuk rakyat, perniagaan dan kerajaan merentas tiga fasa pelaksanaan sehingga tahun 2030. Semua hasrat tersebut akan dilaksanakan melalui Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia. Rangka tindakan ini menetapkan trajektori sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi Malaysia dan membina asas untuk memacu pendigitalan di seluruh negara, termasuk dalam merapatkan jurang digital.

Rangka tindakan ini menggariskan usaha dan inisiatif untuk mencapai aspirasi MyDIGITAL. Ianya mengandungi satu visi, tiga objektif dasar, enam teras, 22 strategi, 48 inisiatif nasional dan 28 inisiatif sektor.




Visi Rangka Tindakan ini untuk menjadikan Malaysia peneraju serantau dalam ekonomi digital dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan.

Rangka tindakan ini mengandungi tiga objektif dasar, iaitu
(i) Menggalakkan pemain industri menjadi pencipta, pengguna dan yang menerima guna model perniagaan inovatif di bawah ekonomi digital;
(ii) Memanfaatkan modal insan yang boleh berjaya dalam ekonomi digital; dan
(iii) Mewujudkan ekosistem yang bersepadu bagi membolehkan masyarakat menguasai ekonomi digital.

Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia mempunyai enam teras yang menyokong objektif dan visi rangka tindakan. Setiap teras menjadi panduan hala tuju strategik rangka tindakan bagi menangani isu dan cabaran khusus yang memerlukan perubahan. Enam teras ini adalah seperti berikut:
(i) Memacu transformasi digital sektor awam,
(ii) Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan,
(iii) Membina infrastruktur digital yang menyokong ,
(iv) Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten,
(v) Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif dan
(vi) Membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika.

# LANDSKAP SEMASA DI KELANTAN

# LANSKAP SEMASA DI KELANTAN

| GAMBARAN RINGKAS NEGERI KELANTAN | | | |
|---|---|---|---|
| **KELUASAN** | **BILANGAN JAJAHAN** | **ANGGARAN PENDUDUK TAHUN 2023** | **KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK TAHUNAN** |
| 15,040 km persegi | 11 | 1.86 Juta | 1.5 % |

| KEUNIKAN NEGERI KELANTAN | |
|---|---|
| Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan meletakkan Islam di tempat yang tertinggi | Kelantan kaya dengan khazanah warisan bangsa |
| Kelantan mempunyai pelbagai kelainan dari segi adat dan budaya termasuklah budaya perniagaan. | Orang Kelantan terkenal dengan kemahiran keusahawanan, mempunyai bakat, minat yang mendalam dan kecenderungan yang tinggi dalam bidang perniagaan. |

| AGENDA UTAMA DI NEGERI KELANTAN | |
|---|---|
| Dasar Membangun Bersama Islam | |
| Pelan Strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam | Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan : Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan (2016 – 2025) |
| Enakmen Aktiviti Kerajaan Elektronik 2014 | Pelan Hala Tuju ICT Negeri Kelantan (2019 – 2025) |
| Penghayatan Membangun Bersama Islam | Future State' Negeri Kelantan : Kelantan Sejahtera 2033 |

| PRESTASI EKONOMI NEGERI KELANTAN 2023 | | |
|---|---|---|
| **KDNK** | RM 27.6 billion (2022 : 26.9 billion) | 2.6% (2022 : 4.5%) |



| SUBSEKTOR PERKHIDMATAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI | |
|---|---|
| **NILAI DITAMBAH**<br>RM 2.1 billion | **KADAR PERTUMBUHAN**<br>1.8% ( 2022 : 3.1% ) |
| Menyumbang 10.5% kepada Sektor Perkhidmatan | Kadar Pertumbuhan Segmen Perkhidmatan Telekomunikasi 1.7% |

| PENDAPATAN E-DAGANG (*E-COMMERCE INCOME*) 2019 & 2021 | |
|---|---|
| **RM 5.4 billion**<br>*Pendapatan e-Dagang (2019)* | **RM 5.7 billion**<br>*Pendapatan e-Dagang (2021)* |
| **Kadar Pertumbuhan Tahunan 2.9%** | |

| PERBELANJAAN E-DAGANG (*E-COMMERCE INCOME*) 2019 & 2021 | |
|---|---|
| **RM 3.9 billion**<br>*Perbelanjaan e-Dagang (2019)* | **RM 4.0 billion**<br>*Perbelanjaan e-Dagang (2021)* |
| **Kadar Pertumbuhan Tahunan 1.8%** | |

| REKOD PETUNJUK PRESTASI PELAKSANAAN EKONOMI DIGITAL NEGERI KELANTAN | |
|---|---|
| **PROGRAM EKONOMI DIGITAL DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI NEGERI KELANTAN (PPST)** | 1. Kelantan International Digital Expo (KIDEx) 2019<br>2. Bengkel eUsahawan Bilangan 1/2019<br>3. Bengkel eUsahawan Bilangan 2/2019<br>4. Program Jelajah Go Digital 2022 |
| **PROGRAM EKONOMI DIGITAL DENGAN KOLABORASI MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN KELANTAN (MPUK)** | 1. Program Jelajah Go Digital 2023 |
| **APLIKASI PEMBAYARAN TANPA TUNAI DI KELANTAN** | 1. Portal Hasil Tanah Kelantan<br>2. e-Pembayaran di MAIK<br>a. Sistem e-Zakat Payment<br>b. Aplikasi MyMAIK e-Zakat Payment<br>c. Sistem e-Wakaf Tunai<br>d. Sistem e-Fitrah<br>e. Sistem e-Fidyah<br>f. Direct Debit (emandate) Waqaf Tunai<br>g. Sistem Dana Awam Baitulmal<br>3. Kelantan Pay |
| **APLIKASI E2E DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN** | 1. Sistem e-PPST<br>2. Sistem e-Galeri<br>3. Sistem My Diary 2.0<br>4. Sistem e-Hadir<br>5. Sistem e-Naziran<br>6. Sistem e-Aduan<br>7. Sistem e-SPIA<br>8. Sistem e-Keberadaan<br>9. Sistem e-MMK<br>10. Sistem e-Dewan |
| **BILANGAN USAHAWAN PMKS YANG TERLIBAT DALAM KEUSAHAWANAN DIGITAL DI BAWAH PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN (PKINK) SEHINGGA TAHUN 2023** | 69 Usahawan Perusahaan Mikro Kecil dan Serdahana (PMKS) |
| **RUANG DAYA CIPTA (RDC) DI KELANTAN** | Dewan Komuniti Kampung Laut, Tumpat Kelantan |
| **USAHAWAN PMKS YANG TERLIBAT DALAM IR 4.0 DI KELANTAN** | Siliconetics Research Corporation Sdn. Bhd. |

# PENCAPAIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI DI KELANTAN

## (1) Status Kesalinghubungan




**Kadar Penembusan Jalur Lebar**

| | |
|---|---|
| Jalur Lebar Talian Tetap (bagi 100 premis) | **26.4%** |
| Jalur Lebar Mudah Alih (bagi 100 penduduk) | **115.2%** |

*Sumber : SKMM Fakta dan Nombor, Setakat Suku 4 2023*

**Purata & Median Kelajuan Jalur Lebar Mudah Alih**

| Purata | Median |
|---|---|
| **147.29 Mbps** | **42.71 Mbps** |

*Sumber : Ookla Global Speedtest Index, Setakat Suku 4 2023*

**Liputan Jalur Lebar Mudah Alih Di Kawasan Berpenduduk**

| | |
|---|---|
| **4G** | **96.71%** |
| **3G** | Liputan 3G telah ditutup |
| **2G** | **98.62%** |

*Sumber : SKMM, Setakat Suku 4 2023*

## (2) Pelaksanaan Infrastruktur Komunikasi 5G di Kelantan




**231**
**Jumlah Stesen Pemancar**

**130**
**Telah Siap**

**101**
**Dalam Pelaksanaan**

*Sumber : SKMM, Setakat Suku 4 2023*

## PENCAPAIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI DI KELANTAN

### (3) Ketersediaan Infrastruktur Gentian Optik (FTTH) & Capaian Liputan Mudah Alih 4G/LTE di Kawasan Berpenduduk di Kelantan

**Ketersediaan Infrastruktur Gentian Optik (FTTH)**

Sebelum Projek Jendela
**46,208**
Sambungan Ke Premis

Projek Jendela
**63,189**
Sambungan Ke Premis

Keseluruhan
Setakat Suku 4 Tahun 2023
**109,397**
Sambungan Ke Premis

*Sumber : SKMM, Setakat Suku 4 2023*

**Capaian Liputan Mudah Alih 4G/LTE Bagi Kawasan Berpenduduk**

Sebelum Projek Jendela
**91.87%**
Capaian

Setakat Suku 4 2023
**96.71%**
Capaian

*Sumber : SKMM, Setakat Suku 4 2023*

### (4) Pusat Ekonomi Digital (PEDi)

**Jumlah Keseluruhan**

**72** Buah

*Nota : Pusat Ekonomi Digital (PEDi) dikenali sebagai Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADi) berkuatkuasa 1 Mac 2024*

**PECAHAN PEDi DI KELANTAN MENGIKUT PARLIMEN**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TUMPAT | 5 | BACHOK | 8 | JELI | 11 |
| PENGKALAN CHEPA | 1 | KETEREH | 3 | KUALA KRAI | 8 |
| KOTA BHARU | 3 | TANAH MERAH | 5 | GUA MUSANG | 13 |
| PASIR MAS | 2 | PASIR PUTEH | 6 | **JUMLAH KESELURUHAN** | **72** |
| RANTAU PANJANG | 3 | MACHANG | 4 | | |

## PROGRAM EKONOMI DIGITAL DI KELANTAN BERSAMA MDEC

**Program eUsahawan**

**Program e-Dagang Setempat (PeDAS)**

**Program eRezeki & Ekonomi GIG**

**GLOW PENJANA**

## DAPATAN INDEKS EKONOMI DIGITAL NEGERI (IEDN) KELANTAN

Perbadanan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Corporation (MPC)*) telah melaksanakan pengukuran indeks ekonomi digital di semua negeri termasuk Negeri Kelantan. Dua aspek yang diukur ialah aspek kesediaan dan aspek keberhasilan. Aspek kesediaan ialah kesediaan perkhidmatan yang menyokong urusniaga secara dalam talian manakala aspek keberhasilan ialah aktiviti ekonomi digital dalam talian oleh rakyat dan peniaga. **Rajah 1.0** menunjukkan kedudukan prestasi indeks ekonomi digital Negeri Kelantan bagi tahun 2018 dan tahun 2020. Berdasarkan analisa pada Rajah di atas di bawah, Prestasi Indeks Ekonomi Digital Negeri Kelantan bagi tahun 2020 telah menunjukkan peningkatan yang cemerlang berbanding tahun 2018 dengan peningkatan sebanyak 14.7%. Namun kedudukan Negeri Kelantan masih berada di bawah paras median dengan jurang perbezaan sebanyak 6.2%. Walau bagaimanapun, penerimaan teknologi digital sebagai satu keutamaan dapat dibuktikan melalui peningkatan IEDN Kelantan pada tahun 2020.

Kesimpulannya, kesediaan teknologi digital dan keberhasilan daripada teknologi digital memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi digital yang mampan di Negeri Kelantan. **Rajah 1.0** di bawah juga menterjemahkan analisa keseluruhan bagi kesediaan dan keberhasilan teknologi digital di Negeri Kelantan. Berdasarkan analisa, pengadaptasian terhadap teknologi digital disambut baik melalui pembuktian peningkatan kesediaan dan keberhasilan teknologi digital pada tahun 2020. Terdapat tiga(3) kesediaan utama iaitu Telekomunikasi, Sistem PBT dan Sistem Tanah manakala Aktiviti Digital Tanah, Aktiviti Digital PBT dan e-Dagang merupakan keberhasilan daripada kesediaan teknologi digital. Telekomunikasi merupakan tunjang utama dalam perkembangan ekonomi digital. Kesediaan bagi teknologi digital telekomunikasi seharusnya mendahului teknologi digital yang lain dan berfungsi secara holistik bagi mentransformasikan ekosistem ekonomi digital negeri dalam memacu perkembangan ekonomi digital.




***Rajah 1.0 : Prestasi Indeks Ekonomi Digital Negeri Kelantan***

## ISU / MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN KE ARAH MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DIGITAL

| BIL | RUMUSAN ISU / MASALAH | CADANGAN TERAS STRATEGIK BAGI PENYELESAIAN ISU / MASALAH |
|---|---|---|
| 1. | Tahap penerimagunaan teknologi digital dalam sektor awam Negeri Kelantan masih dalam peringkat sederhana dan tidak menyeluruh termasuk dalam urusan pentadbiran, perkhidmatan, pembayaran tanpa tunai, penggunaan *cloud* dan lain-lain lagi. | **PEMACUAN TRANSFORMASI DIGITAL SEKTOR AWAM NEGERI KELANTAN** |
| 2. | Tahap penerimagunaan digital dalam kalangan industri dan usahawan PMKS masih berada di peringkat permulaan dan ekosistem yang menyokong pelaksanaan pendigitalan masih tidak sepenuhnya. | **PENINGKATAN DAYA SAING EKONOMI MELALUI PENDIGITALAN** |
| 3. | Liputan infrastruktur komunikasi yang tidak menyeluruh dan keupayaan yang terhad dalam penggunaan teknologi digital yang bersesuaian. | **PEMBINAAN INFRASTRUKTUR DIGITAL YANG MENYOKONG** |
| 4. | Kekurangan bakat digital terutamanya dalam bidang industri kandungan kreatif dan keselamatan siber. | **PEMBANGUNAN BAKAT DIGITAL YANG TANGKAS DAN KOMPETEN** |
| 5. | Jurang digital yang masih tinggi di kalangan masyarakat serta wujudnya jurang digital di kalangan usahawan (termasuk PMKS) disebabkan oleh faktor masa dan kemampuan dari segi kewangan serta tiada pendekatan bimbingan dan latihan secara *hands-on* dan berimpak segera. | **PEWUJUDAN MASYARAKAT DIGITAL YANG INKLUSIF** |
| 6. | Tahap kesedaran, pengetahuan dan pelaburan dalam bidang keselamatan siber dan amalan beretika penggunaan data dan teknologi digital masih rendah. | **PEMBINAAN PERSEKITARAN DIGITAL YANG DIPERCAYAI, SELAMAT DAN BERETIKA.** |

# HALA TUJU STRATEGIK
# EKONOMI DIGITAL
# NEGERI KELANTAN

# RANGKA TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI KELANTAN

| VISI |
|---|
| Menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang sentiasa dilimpahi keberkatan, kemakmuran dan kebajikan melalui pembangunan sosioekonomi berfokuskan kepada ekonomi digital yang selari dengan kehendak syariat, inklusif, bertanggungjawab dan mampan. |

| OBJEKTIF | | |
|---|---|---|
| **(1)** Membangunkan modal insan yang mampu menguasai teknologi bagi meraih manfaat ekonomi digital. | **(2)** Membina ekosistem yang bersepadu bagi membolehkan rakyat menguasai ekonomi digital. | **(3)** Melahirkan pemain industri yang berkeupayaan menjadi pencipta. |
| **(4)** Meningkatkan sumbangan sektor ekonomi digital kepada KDNK negeri khususnya dan negara amnya bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan. | **(5)** Menggalakkan penciptaan pekerjaan baharu dan meningkatkan kualiti tenaga kerja melalui sektor ekonomi digital. | **(6)** Membina daya saing ekonomi negeri khususnya dan negara amnya di arena global dengan menggalakkan inovasi dan penembusan pasaran antarabangsa. |
| **(7)** Menyokong pelaksanaan Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia dan Inisiatif MyDigital | | |

| 6 TERAS STRATEGIK | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **(1)** Pemacuan transformasi digital sektor awam negeri Kelantan | **(2)** Peningkatan daya saing ekonomi melalui pendigitalan | **(3)** Pembinaan Infrastruktur digital yang menyokong | **(4)** Pembangunan bakat digital yang tangkas dan kompeten | **(5)** Pewujudan masyarakat digital yang inklusif | **(6)** Pembinaan persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika |

| 25 STRATEGI | |
|---|---|
| **60 INISIATIF** | **86 PROGRAM** |

| 4 SEKTOR | | | |
|---|---|---|---|
| Pertanian | Perlombongan | Pembuatan | Perkhidmatan |

| 4 SUBSEKTOR PERKHIDMATAN | | | |
|---|---|---|---|
| Pelancongan | Pendidikan | Kewangan dan Insurans | Pengangkutan dan Logistik |

| 12 INISIATIF | 19 PROGRAM |
|---|---|

| KESELURUHAN | |
|---|---|
| **72 INISIATIF** | **105 PROGRAM** |

## TERAS STRATEGIK

# 01

# PEMACUAN TRANSFORMASI DIGITAL SEKTOR AWAM NEGERI KELANTAN

## STRATEGI

1. MENGURUS PERUBAHAN UNTUK BERALIH KEPADA DIGITAL SECARA BERKESAN.
2. MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL UNTUK MENINGKATKAN KECEKAPAN PROSES KERJA DAN PRODUKTIVITI.
3. MENINGKATKAN SET KEMAHIRAN DIGITAL PENJAWAT AWAM.
4. MEMANFAATKAN DATA UNTUK MENAMBAH BAIK PERKHIDMATAN KERAJAAN.
5. MENINGKATKAN SKOP DAN KUALITI PERKHIDMATAN DALAM TALIAN BAGI MENAMBAH BAIK PENGALAMAN PENGGUNA.

## STRATEGI 1 : MENGURUS PERUBAHAN UNTUK BERALIH KEPADA DIGITAL SECARA BERKESAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 1 : | Mentransformasi organisasi yang bertanggungjawab dalam ICT / pendigitalan | | | | | | | | |
| Menaiktaraf Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat kepada Pusat Maklumat Negeri | BPTM dinaiktaraf dan diperkasakan berdasarkan semakan semula perjawatan dan penstrukturan semula organisasi bermula tahun 2024 hingga 2025 | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | **2024** | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Menubuhkan Perbadanan Digital Negeri Kelantan | Menubuhkan perbadanan mulai pada tahun 2024 | Unit Perancang Ekonomi Negeri | **2024** | 2025 | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 2 : | Menjenama semula Ketua Pegawai Maklumat di setiap jabatan/agensi Kerajaan Negeri menjadi Ketua Pegawai Digital *(Chief Digital Officer (CDO))* | | | | | | | | |
| Melantik Ketua Pegawai Digital *(Chief Digital Officer (CDO))* | Setiap jabatan/agensi mempunyai CDO yang melaporkan kepada Ketua Kluster Kerajaan Digital atau Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) | Semua Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri | **2024** | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## STRATEGI 2 : MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL UNTUK MENINGKATKAN KECEKAPAN PROSES KERJA DAN PRODUKTIVITI

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 3 : | Meningkatkan penerimagunaan teknologi digital dan penggunaan peralatan digital melalui pembangunan perkhidmatan kerajaan dalam talian dari peringkat awal ke akhir (end-to-end). | | | | | | | | |
| Membangunkan perkhidmatan kerajaan dalam talian peringkat awal ke akhir.<br><br>-Pembangunan dan pelaksanaan Sistem e-Bencana | • 80% perkhidmatan kerajaan negeri dalam talian secara E2E (dari peringkat awal ke akhir) pada tahun 2025<br>• Menyumbang kepada 80% perkhidmatan kerajaan Persekutuan dalam talian dari peringkat awal ke akhir *(end-to-end)*<br>• Menyokong pencapaian kedudukan yang lebih baik di peringkat persekutuan dalam *Online Services Index* pada tahun 2025<br>• e-Bencana Kelantan mula dilaksanakan pada tahun 2024 | Bahagian Pengurusan Bencana, Pejabat Pembangunan Negeri, Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan dan jabatan/agensi Kerajaan Negeri Kelantan dan Persekutuan yang berkaitan | **2024** | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 4 : | Memperkenalkan Pemacu Digital sebagai pakar dalaman di setiap jabatan/agensi kerajaan negeri. | | | | | | | | |
| Mengadakan Program Pendaftaran Sukarelawan Digital Kelantan dan Program Latihan Digital Rakyat Kelantan yang dikendalikan oleh Sukarelawan Digital Kelantan | Pelaksanaan 2 program Latihan Digital Rakyat Kelantan yang dikendalikan oleh Sukarelawan Digital Kelantan setiap tahun bermula 2025 hingga 2030 | Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan dan Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan (MeSRA). | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | **2029** | **2030** |
| Inisiatif 2 : | Mengguna pakai pangkalan data berpusat, menyeluruh dan terkini berkaitan jurang digital | | | | | | | | |
| Program Kolaborasi dan Jalinan Strategik Penggunaan Pangkalan Data Berpusat Jurang Digital | • Menerima guna pangkalan data tunggal bagi kumpulan mudah terjejas pada tahun 2025.<br>• Menerima guna Indeks Keterangkuman Digital pada tahun 2025. | Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri dan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 3 : | Mengguna pakai sistem dan pangkalan data berpusat berkaitan perpustakaan | | | | | | | | |
| Program Kolaborasi dan Jalinan Strategik Penyediaan Perkhidmatan uPustaka (Perpustakaan Ubiquitous) | • Pelaksanaan aktiviti berbentuk keilmuan bagi mendapatkan maklumat daripada risalah, ebook, pangkalan data melalui sumber yang sahih.<br>• Penganjuran kursus kesedaran dan latihan kepada masyarakat, IPT, sekolah tentang kewujudan ubiquitous library atau u-pustaka di Malaysia di mana ianya boleh digunakan secara percuma khususnya oleh rakyat Kelantan.<br>• Promosi penggunaan perkhidmatan uPustaka kepada rakyat Negeri Kelantan. | Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Perpustakaan Awam Cawangan / Komuniti / Desa / Sekolah | **2024** | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | **2029** | **2030** |
| Inisiatif 4 : | Mempromosi dan menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik bagi rakyat untuk menjadi masyarakat tanpa tunai | | | | | | | | |
| Rakan Strategik Kempen Promosi dan Penggalakan Penggunaan e-Pembayaran di Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Kelantan. | • Transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama di sektor awam negeri Kelantan pada tahun 2024.<br>• Mencapai 50% pembayaran tanpa tunai pada tahun 2025. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri, semua Pejabat Tanah dan Jajahan, dan Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. | **2024** | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## STRATEGI 1 : MENINGKATKAN PENYERTAAN RAKYAT KELANTAN YANG INKLUSIF DALAM AKTIVITI DIGITAL

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 5 : | Mempromosikan program onboarding pembayaran elektronik bagi peniaga dan pengguna untuk menjadi masyarakat tanpa tunai | | | | | | | | |
| Promosi Penggunaan Kelantan Pay | • Mencapai 2000 bilangan pengguna baharu setiap tahun<br>• Mengadakan promosi sekurang-kurangnya dua kali setahun | Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. | **2024** | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | **2029** | **2030** |
| Program Jelajah Go Digital | • Mencapai 40% pembayaran tanpa tunai pada tahun 2025.<br>• Semua pasar di Negeri Kelantan akan dilaksana Program Jelajah Go Digital pada tahun 2025. | Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 6 : | Menggalakkan masyarakat menggunakan teknologi digital dalam penjagaan alam sekitar | | | | | | | | |
| Galakan Penggunaan Peralatan Digital dan Sistem Bagi Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar | • Peningkatan kutipan barang kitar semula dan pengurangan sampah dihantar ke tapak pelupusan<br>• Peningkatan penyertaan bilangan sekolah dan agensi<br>• Mencapai bandar rendah karbon di setiap PBT pada tahun 2025. | Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. dan Pihak Berkuasa Tempatan | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## STRATEGI 2 : MEMPERKASA KUMPULAN SASAR KHUSUS DALAM MASYARAKAT UNTUK TURUT SERTA DALAM EKONOMI DIGITAL MELALUI AKTIVITI KEUSAHAWANAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 7 : | Memperkukuhkan penggunaan platform dalam talian bertujuan meningkatkan akses oleh kumpulan mudah terjejas. | | | | | | | | |
| Latihan Penggunaan Portal Go-eCommerce | • Jumlah pengguna yang berdaftar.<br>• Jumlah pengguna yang menjalankan latihan kendiri menggunakan modul latihan yang disediakan. | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | 2029 | 2030 |
| Latihan Penggunaan eUsahawan | • Menghasilkan statistik jumlah peserta yang dilatih, statistik jumlah peserta yang melaporkan jualan tambahan selepas menghadiri latihan dan statistik jumlah terkumpul jualan tambahan.<br>• Menghasilkan statistik jumlah peserta yang mendaftar di platform jualan dalam talian dan jumlah jualan terkumpul secara dalam talian menerusi platform jualan. | Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. | **2024** | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | **2029** | **2030** |

## STRATEGI 2 : MEMPERKASA KUMPULAN SASAR KHUSUS DALAM MASYARAKAT UNTUK TURUT SERTA DALAM EKONOMI DIGITAL MELALUI AKTIVITI KEUSAHAWANAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 7 : | Memperkukuhkan penggunaan platform dalam talian bertujuan meningkatkan akses oleh kumpulan mudah terjejas. | | | | | | | | |
| Latihan Penggunaan Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS) | • Menghasikan statistik jumlah peserta yang dilatih, statistik jumlah peserta yang melaporkan jualan tambahan selepas menghadiri latihan dan statistik jumlah jualan tambahan terkumpul.<br>• Menghasilkan statistik jumlah peserta yang mendaftar di platform jualan dalam talian dan statistik jumlah jualan terkumpul secara dalam talian menerusi platform jualan. | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | 2029 | 2030 |
| Latihan Penggunaan 100 *Go Digital Coaching* | • Jumlah PKS yang berdaftar<br>• Jumlah PKS yang dilatih. | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | 2029 | 2030 |
| Latihan *SME Digital Accelerator* | • Menghasilkan statistik jumlah PKS yang dilatih.<br>• Menghasilkan statistik jumlah PKS yang menerapkan penyelesaian digital. | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | 2029 | 2030 |
| Ceramah dan Karnival Kandungan Digital Kreatif secara dalam talian dan Pertandingan e-sukan | • 1 sesi bagi Program Digital Creative Content Roadshow dapat dilaksanakan pada tahun 2025<br>• 1 sesi bagi Jom My Games – Esports dapat dilaksanakan pada tahun 2026. | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) | 2024 | **2025** | **2026** | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Kelas Ekonomi Digital Inisiatif "KEDAI" | • 1 DUN dapat melahirkan 20 orang usahawan yang berjaya melalui platform ekonomi digital setiap tahun. | Suruhanjaya Komunikasi dan Mutimedia Malaysia (SKMM) | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | 2029 | 2030 |

## TERAS STRATEGIK

# 06

# PEMBINAAN PERSEKITARAN DIGITAL YANG DIPERCAYAI, SELAMAT DAN BERETIKA

## STRATEGI

1. MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN ETIKA DALAM AKTIVITI DIGITAL DAN URUS NIAGA.
2. MENINGKATKAN KOMITMEN KERAJAAN NEGERI TERHADAP PERLINDUNGAN DAN KERAHSIAAN DATA PERIBADI.
3. MENINGKATKAN PELAKSANAAN KESELAMATAN SIBER DALAM KALANGAN KOMUNITI PERNIAGAAN.
4. MEMPERKUKUH AKHLAK DALAM AKTIVITI DIGITAL RAKYAT DAN PARA PELAJAR.
5. MEMBINA PERSEKITARAN BANDAR YANG SELAMAT, BERKUALITI DAN BERSISTEMATIK.

## STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN ETIKA DALAM AKTIVITI DIGITAL DAN URUS NIAGA

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 1 : | Mempertingkat jangkauan program keselamatan siber kepada semua lapisan masyarakat | | | | | | | | |
| Melaksanakan Program Keselamatan Siber | • 75% daripada rakyat Kelantan mempunyai kesedaran mengenai keselamatan dan jenayah siber | Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 2 : | Menambah baik modul pendidikan untuk menggalakkan netika di sekolah | | | | | | | | |
| Melaksanakan Modul Netika di Sekolah YIK dan JPN | Pelaksanaan modul netika sebagai sebahagian daripada kurikulum pendidikan kebangsaan pada tahun 2025 | Yayasan Islam Kelantan dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KOMITMEN KERAJAAN NEGERI TERHADAP PERLINDUNGAN DAN KERAHSIAAN DATA PERIBADI

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 3 : | Menggalakkan usaha-usaha untuk perlindungan dan kerahsiaan data peribadi. | | | | | | | | |
| Melaksanakan Program Kesedaran Perlindungan Data Peribadi | Satu program kesedaran diadakan setiap tahun. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. | **2024** | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | **2029** | **2030** |

## STRATEGI 3 : MENINGKATKAN PELAKSANAAN KESELAMATAN SIBER DALAM KALANGAN KOMUNITI PERNIAGAAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 4 : | Memberi kesedaran kepada syarikat tempatan di Negeri Kelantan untuk melabur dalam keselamatan siber bagi mewujudkan ekosistem digital yang selamat, terjamin dan dipercayai. | | | | | | | | |
| Program Kesedaran Penerimagunaan Keselamatan Siber dan Peluang Pelaburan Keselamatan Siber | 70% daripada syarikat di Negeri Kelantan melaksanakan langkah keselamatan siber sehingga akhir tahun 2027 | Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. | 2024 | 2025 | 2026 | **2027** | 2028 | 2029 | 2030 |
| Program Penerimagunaan Keselamatan Siber | Sejumlah 50 PMKS tempatan menerimaguna penyelesaian keselamatan siber setiap tahun bermula 2025 hingga 2028 | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | 2029 | 2030 |

## STRATEGI 4 : MEMPERKUKUH AKHLAK DALAM AKTIVITI DIGITAL RAKYAT DAN PARA PELAJAR

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 5 : | Melaksanakan program kesedaran untuk memberi peringatan tentang penggunaan Internet secara sejahtera. | | | | | | | | |
| Melaksanakan Program Internet Thoyyibah | • Promosi Program Internet Thoyyibah dapat dilaksanakan oleh YIK, JPN dan semua PBT setiap tahun.<br>• Program Internet Thoyyibah dapat dilaksanakan oleh YIK, JPN dan semua PBT setiap tahun. | Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Yayasan Islam Kelantan dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan semua PBT. | 2024 | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | **2029** | **2030** |

## STRATEGI 5 : MEMBINA PERSEKITARAN BANDAR YANG SELAMAT, BERKUALITI DAN BERSISTEMATIK

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 6 : | Meningkatkan keselamatan dan kualiti hidup rakyat dengan menggunakan teknologi pintar. | | | | | | | | |
| Melaksanakan Konsep Bandar Pintar Bagi Semua Projek Pembangunan Bandar Baharu di Negeri Kelantan | • *Smart Security & Surveillance (VsaaS)* – Dapat mengurangkan kadar jenayah.<br>• *Smart Traffic Analytics & Recognition Systems (STARS)* – Dapat mengurangkan tempoh menunggu pengguna jalan raya di simpang traffic light.<br>• *Smart Street Light Integrated Management (SLIMS)* – Penjimatan tenaga elektrik.<br>• *Smart Premise* – Penggunaan automasi digital dapat meningkatkan nilai rumah/premis.<br>• *Smart Building* – Penggunaan automasi digital dapat meningkatkan nilai bangunan.<br>• *Smart Community Portal* – Platform untuk komunikasi, pengurusan dan keselamatan komuniti yang lebih berkesan.<br>• *My Smart Community Apps* – Aplikasi menawarkan lebih banyak penglibatan dengan pengguna berbanding dengan portal.<br>• Mewujudkan sekurang-kurangnya dua (2) bandar Pintar pada tahun 2026. | Unit Perancang Ekonomi Negeri, PLANMalaysia Negeri Kelantan dan Bahagian Koordinasi dan Program Khas | 2024 | 2025 | **2026** | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

# 04 INISIATIF BERDASARKAN SEKTOR

SEKTOR

## SEKTOR

1. SEKTOR PERTANIAN.
2. SEKTOR PERLOMBONGAN.
3. SEKTOR PEMBUATAN.
4. SEKTOR PERKHIDMATAN.

# SEKTOR PERTANIAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 1 : | Menggalakkan penerimagunaan pertanian pintar, teknologi IR 4.0, blockchain, IOT dan CCTV bagi mempertingkatkan kecekapan proses kerja dan produktiviti seiring dengan keperluan permintaan dan pasaran yang tinggi. | | | | | | | | |
| Membangunkan Projek Hub/Taman Sumber Bahan Mentah Bagi Makanan Ternakan *(Food Resources Hub/ Farm For Animal Feeds)* Berskala Komersil Dengan Integrasi Teknologi *(Integrated Technology)* IR4.0 Secara Lestari. | • Keluasan ladang fodder diurus seluas 100 ekar<br>• Bilangan penternak dan haiwan ternakan meningkat | Kelantan Biotech Corp. Sdn Bhd dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan | **2024** | **2025** | **2026** | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Membangunkan 'Taman Benih berskala besar' berasaskan Teknologi Hijau serta adaptasi *IR 4.0* secara lestari | • Peningkatan kawasan sediaada dan pengurusan teknologi untuk Taman Benih.<br>• Peningkatan kapasiti pengeluaran benih berkualiti dan pemain industri.<br>• Peningkatan peluang pekerja kepada golongan dalam kategori sokongan.<br>• Penerapan dan peningkatan kesedaran pertanian organik. | Kelantan Biotech Corp. Sdn. Bhd. dan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan | **2024** | **2025** | **2026** | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Membangunkan *Blockchain* Usahawantani Negeri Kelantan | Sasaran Negeri Kelantan dalam memberi fokus kepada kesediaan infrastruktur dan sumber manusia dalam teknologi *'internet of thing' (IOT)* dan *'big data'* adalah bertujuan untuk menuju Kerajaan Digital. Justeru itu satu sistem pengumpulan data Usahawantani Negeri Kelantan perlu diadakan dengan lebih telus terutamanya informasi semasa usahawantani melalui pergerakan hasil tani dari awal hingga ke pengguna akhir. | Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad | **2024** | **2025** | **2026** | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## SEKTOR PERTANIAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Melaksanakan program pengendalian dron; *Agriculture Drone Pilot (ADP)* | • Melahirkan anak muda yang berwibawa sebagai pemandu juruterbang dron pertanian Negeri Kelantan melalui pendedahan dan peningkatan kemahiran kepada bakal ADP dalam teknik pengendalian dron terutamanya dalam mengendalikan kerja-kerja dalam sektor pertanian khususnya tanaman padi dengan betul.<br>• Menjadikan KPKB sebagai pemain dron pertanian yang ulung di Negeri Kelantan dan seterusnya menjadi tempat rujukan bagi pengusaha dan pemilik dron dalam aspek pembaikian dan penambahbaikian perisian dron serta kursus-kursus berkaitan yang diiktiraf. | Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad | **2024** | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Menggunakan platform IOT dalam bidang pertanian | Program ini dapat dilaksana mulai tahun 2024 hingga 2028 yang melibatkan penyertaan usahawan tani (Petani /penternak) dan pertubuhan pertanian (KADA, KPKB dan agensi-agensi kerajaan negeri). | Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad | **2024** | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 2 : | **Mewujudkan lebih banyak platform digital tempatan bagi membolehkan akses kepada pasaran digital** | | | | | | | | |
| Membangunkan Sistem Jualan Pukal/ Borong secara lelongan berasaskan atas talian dan e-bidding secara sistematik dan efisien | • Platform digital bersepadu diwujudkan dengan maklumat para peserta yang telah menyertai program pengembangan industri anjuran kerajaan samaada di Fasa 1 ke seterusnya.<br>• Platform meliputi semua agensi dan usahawan yang menghasilkan produk untuk dijual. | Kelantan Biotech Corp. Sdn Bhd | **2024** | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## SEKTOR PERTANIAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 3 : | Meningkatkan penerimagunaan teknologi digital melalui pembangunan perkhidmatan kerajaan dalam talian ke arah peringkat awal ke akhir (end-to-end) | | | | | | | | |
| Melaksanakan Sistem Pengurusan Ternakan (e-Ternak) | • Menyumbang kepada 80% perkhidmatan kerajaan Persekutuan dalam talian dari peringkat awal ke akhir (end-to-end) pada tahun 2025.<br>• Menyokong pencapaian kedudukan yang lebih baik di peringkat persekutuan dalam Online Services Index pada tahun 2025.<br>• Anggaran pendaftaran ternakan sebanyak 154,300 ekor secara keseluruhan dengan penglibatan penolong pendaftar di daerah penggawa merangkumi ternakan lembu sebanyak 85,000 ekor, ternakan kerbau sebanyak 4,500 ekor, ternakan kambing sebanyak 36,800 ekor, ternakan bebiri sebanyak 26,000 ekor dan ternakan rusa sebanyak 2,000 ekor.<br>• Anggaran hasil pendaftaran lembu dan kerbau ialah sebanyak RM358,000 secara keseluruhan pada 2025. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Melaksanakan Sistem Maklumat Pelesenan Perladangan Unggas Negeri Kelantan (e-Unggas) | • Pendaftaran ladang unggas sebanyak 416 ladang.<br>• Jangkaan kutipan hasil RM 42,000 setahun. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Membangunkan Sistem Perkhidmatan Veterinar (e-Veterinar) | • Sistem dapat digunapakai pada tahun 2025. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## SEKTOR PERLOMBONGAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 1 : | Mewujudkan sistem sokongan untuk melonjakkan sektor perlombongan dalam pengeluaran mineral selaras dengan transformasi pendigitalan. | | | | | | | | |
| Melaksanakan Sistem Maklumat Tenemen Mineral (e-Lombong) | • Kadar penerimagunaan platform digital dalam sektor perlombongan meningkat.<br>• Satu sistem maklumat dan sistem notifikasi yang dapat mempercepatkan proses permohonan tenemen mineral pada 2024. | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan | **2024** | 2025 | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 2 : | Meningkatkan pemantauan permit dan doket bahan batuan secara digital selaras dengan transformasi pendigitalan. | | | | | | | | |
| Membangunkan Sistem Pengurusan Permit dan Doket Bahan Batuan (e-Permit & Doket) | • Kadar penerimagunaan platform digital dalam sektor perlombongan meningkat.<br>• Kutipan hasil negeri melalui royalti bahan batuan akan meningkat sehingga tiga (3) kali ganda (Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai). | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## SEKTOR PEMBUATAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Inisiatif 1 : | Mewujudkan sistem sokongan untuk melonjakkan aktiviti sektor pembuatan selaras dengan transformasi pendigitalan dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). | | | | | | | | |
| Melaksanakan Sistem Pangkalan Data Usahawan (e-Direktori Usahawan) di Negeri Kelantan | • Sekurang-kurangnya sebanyak 90% kumpulan sasar dapat dikenalpasti untuk penyaluran bantuan atau latihan.<br>• Peningkatan hasil jualan produk usahawan Negeri Kelantan. | Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan dan Majlis Pembangunan Usahawan Kelantan | **2024** | 2025 | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## SEKTOR PERKHIDMATAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **SUB-SEKTOR : PELANCONGAN** | | | | | | | | | |
| Inisiatif 1 : | Mewujudkan pangkalan data pelancongan yang komprehensif dengan akses terbuka untuk pihak berkepentingan dan rakyat | | | | | | | | |
| Membangunkan Aplikasi Kelantan Dihati | • Dapat meningkatkan kehadiran pelancong tempatan dan antarabangsa.<br>• Meningkatkan pendapatan rakyat Kelantan.<br>• Menjadikan Kelantan sebagai pilihan utama kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.<br>• Meningkatkan peluang pelabur luar untuk datang melabur di Kelantan. | Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan | **2024** | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Pembangunan Pelan Interpretasi pelancongan serta aplikasi mudah alih (e-Derak) bagi tempat-tempat menarik untuk dikunjungi menggunakan teknik *Geo-fencing.* | • Kadar penyertaan pengusaha pelancongan dalam platform digital meningkat.<br>• Pelan Interpretasi Pelancongan bagi produk-produk pelancongan yang berkaitan di Kelantan siap disediakan dalam tempoh 12 bulan mengikut garis masa fasa pembangunan yang ditetapkan.<br>• Platform digital aplikasi mudah alih e-Derak bagi produk-produk pelancongan yang berkaitan di Kelantan siap dibangunkan dalam tempoh 12 bulan mengikut garis masa fasa pembangunan yang ditetapkan. | Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat. | **2024** | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

## SEKTOR PERKHIDMATAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SUB-SEKTOR : PENDIDIKAN | | | | | | | | | |
| Inisiatif 2 : | Meningkatkan pemantauan permit dan doket bahan batuan secara digital selaras dengan transformasi pendigitalan. | | | | | | | | |
| Mendigitalkan bahan-bahan koleksi Perpustakaan (Koleksi Kelantan) dan Membangunkan Sistem Pangkalan data untuk akses kepada koleksi Kelantan. | • Semua bahan-bahan koleksi yang terdapat di Koleksi Kelantan dapat didigitalkan.<br>• Semua bahan-bahan koleksi Kelantan dapat di akses melalui sistem pangkalan data secara dalam talian.<br>• Merakyatkan perkhidmatan perpustakaan melalui pendigitalan. | Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan | **2024** | **2025** | **2026** | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 3 : | Menggalakkan amalan membaca di kalangan rakyat Negeri Kelantan bagi melahirkan golongan cerdik-pandai yang memenuhi ciri-ciri Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan untuk meneraju transformasi. | | | | | | | | |
| Membangunkan Sistem Rekod Bacaan Negeri Kelantan | • Sistem rekod bacaan secara atas talian dapat diwjudkan dan digunakan oleh semua penduduk negeri Kelantan.<br>• Analisa amalan membaca penduduk Kelantan dapat di sediakan dengan tepat.<br>• Keberkesanan program galakan membaca dapat diukur dengan lebih tepat bagi merangka program yang bersesuaian. | Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| Inisiatif 4 : | Menyokong penerbitan buku teks dan buku aktiviti untuk beralih kepada pendigitalan dengan menerbitkan e-buku dan menghasilkan format interaktif. | | | | | | | | |
| Mempromosi penggunaan aplikasi buku digital berinteraktif (i-Book) melalui perkhidmatan uPustaka (Perpustakaan Ubiquitous). | • Mengurangkan jurang digital dalam masyarakat negeri Kelantan.<br>• Membangunkan masyarakat berpengetahuan *(Knowledge Society)* | Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (Perpustakaan Awam / Komuniti / Desa) | **2024** | **2025** | **2026** | **2027** | **2028** | **2029** | **2030** |

# SEKTOR PERKHIDMATAN

| PROGRAM | SASARAN / KPI | PELAKSANA | GARIS MASA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **SUB-SEKTOR : KEWANGAN DAN INSURANS** | | | | | | | | | |
| Inisiatif 5 : | Mewujudkan Program Pemacu Inovasi Fintech untuk mempercepat pengembangan syarikat fintech peringkat permulaan | | | | | | | | |
| Mewujudkan Sistem e-DnD untuk capaian pengguna Dinar dan Dirham melalui platform atas talian dengan beberapa kaedah pembayaran | • Peningkatan penjualan Dinar Dirham mulai tahun 2024.<br>• Menambahkan kesedaran kepada rakyat tentang kelebihan penggunaan Dinar Dirham khususnya di Kelantan.<br>• Memudahkan akses pembelian Dinar Dirham. | Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd. | **2024** | 2025 | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |
| **SUB-SEKTOR : PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK** | | | | | | | | | |
| Inisiatif 6 : | Mempercepat pelaksanaan sistem pembayaran tempat letak kenderaan dalam talian dengan akses terbuka untuk rakyat. | | | | | | | | |
| Pengwujudan sistem pembayaran petak letak kenderaan menerusi aplikasi mudah alih di semua PBT. | • Rakyat dapat menggunakan sistem pembayaran petak letak kenderaan menerusi aplikasi mudah alih pada 2025. | Semua PBT | 2024 | **2025** | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 |

# 10

# SASARAN UTAMA

## SASARAN UTAMA

| BIL | PROGRAM | PELAKSANA |
|---|---|---|
| 1. | BPTM dinaiktaraf dan diperkasakan berdasarkan semakan semula perjawatan dan penstrukturan semula organisasi bermula tahun 2024 hingga 2025. **(TS1, S1 , I1, P1)** | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia |
| 2. | Menubuhkan Perbadanan Digital Negeri Kelantan mulai pada tahun 2024. **(TS1, S1 , I1, P2)** | Unit Perancang Ekonomi Negeri |
| 3. | 80% perkhidmatan kerajaan dalam talian secara *E2E* (dari peringkat awal ke akhir) pada tahun 2025. **(TS1, S2, I3, P1)** | Semua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri |
| 4. | Transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama di sektor awam negeri Kelantan pada tahun 2024. **(TS5, S1, I4, P1)** | Semua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Yang Berkaitan |
| 5. | Pembangunan Infrastruktur Yang Menyeluruh Untuk Menyokong Semua Aktiviti Ekonomi Digital pada tahun 2025. **(TS3,S4,I9,P1)** | BKI-GIS, SKMM DAN TM |
| 6. | Portal Invest Kelantan dan Sistem e-Pelaburan dapat dilaksanakan pada tahun 2024. **(TS1,S5,I10,P1)** | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Bahagian Pelaburan |
| 7. | 80% pekerja Ekonomi Digital GIG dapat didaftarkan di bawah Pusat Ekonomi Digital GIG Kelantan pada tahun 2025 dan mendapat manfaat dari kerajaan. **(TS2,S5,I7,P2)** | Unit Perancang Ekonomi Negeri |
| 8. | Mewujudkan sekurang-kurangnya dua (2) bandar Pintar pada tahun 2026. **(TS6,S5,I6,P1)** | Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Bahagian Koordinasi dan Program Khas |
| 9. | Melaksanakan Identiti Digital Kelantan *(Kelantan Digital Identity (KDI))* pada tahun 2027. **(TS1,S5,I13,P1)** | Agensi Perbadanan Digital yang diluluskan Kerajaan Negeri dan Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. |
| 10. | Lembah Silikon Mini *(Mini Silicon Valley)* dapat dibangunkan pada tahun 2030 **(TS2,S5,I9,P1)** | Unit Perancang Ekonomi Negeri, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Agensi Perbadanan Digital Negeri yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. |

# STRUKTUR
# TADBIR URUS

## STRUKTUR TADBIR URUS

**MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGERI (MTMN)**
PENGERUSI : YAB USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG MENTERI BESAR

**JAWATANKUASA PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, TEKNOLOGI HIJAU, DIGITAL DAN INOVASI KERAJAAN NEGERI KELANTAN**
PENGERUSI : YB DATO' PENGERUSI JAWATANKUASA PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, TEKNOLOGI HIJAU, DIGITAL DAN INOVASI KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**JAWATANKUASA PEMANDU ICT NEGERI**
PENGERUSI : YB DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**JAWATANKUASA KERJA PELAKSANAAN PELAN**
PENGERUSI : YABhg DATO' TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)

**PEJABAT PENGURUSAN PROJEK (PMO)**
BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### KLUSTER KERAJAAN DIGITAL

**PENGERUSI : PENGARAH BPTM**

AHLI-AHLI:
1. PTG
2. PPN
3. UPEN
4. BPSM
5. BPBN
6. BKP
7. BAHAGIAN PERUMAHAN
8. BAHAGIAN PELABURAN
9. U-KEKWA
10. MDEC
11. JABATAN / AGENSI KERAJAAN NEGERI, BAHAGIAN/ UNIT PEJABAT SUK ,IPTA, IPTS DAN AGENSI SWASTA TERPILIH.

### KLUSTER EKONOMI DAN INDUSTRI DIGITAL

**PENGERUSI : PENGARAH UPEN**

AHLI-AHLI:
1. PKINK
2. PMBK
3. BPTM
4. KIGSB
5. UMK
6. JPN KELANTAN
7. MDEC
8. SEMUA PTJ
9. SEMUA PBT
10. JABATAN / AGENSI KERAJAAN NEGERI, BAHAGIAN/ UNIT PEJABAT SUK, IPTA, IPTS DAN AGENSI SWASTA TERPILIH.

### KLUSTER INFRASTRUKTUR DIGITAL

**PENGERUSI : KETUA PENOLONG PENGARAH BKI-GIS**

AHLI-AHLI:
1. UPEN
2. SKMM
3. MAIK
4. BPTM
5. BAHUU
6. BP
7. BKT
8. SEMUA PBT
9. KIGSB
10. TM
11. INFRAQUEST
12. ARC
13. JABATAN / AGENSI KERAJAAN NEGERI, BAHAGIAN/ UNIT PEJABAT SUK, IPTA, IPTS DAN AGENSI SWASTA.

### KLUSTER BAKAT DIGITAL

**PENGERUSI : PENGARAH BPSM**

AHLI-AHLI:
1. YIK
2. YAKIN
3. BPTM
4. JPN KELANTAN
5. KIGSB
6. ILDAN
7. MDEC
8. SEMUA IPT
9. JABATAN /AGENSI KERAJAAN NEGERI/ PERSEKUTU-AN, BAHAGIAN/ UNIT PEJABAT SUK,IPTA, IPTS DAN AGENSI SWASTA TERPILIH.

### KLUSTER MASYARAKAT DIGITAL

**PENGERUSI : PENGARAH PPAK**

AHLI-AHLI:
1. PTG
2. PTJ
3. BPTM
4. SKMM
5. MDEC
6. U-KEKWA
7. KIGSB
8. MYDIGITAL CORP.
9. BNM
10. BIMB
11. PAYNET
12. MESRA
13. JABATAN /AGENSI KERAJAAN NEGERI, BAHAGIAN/ UNIT PEJABAT SUK,IPTA, IPTS DAN AGENSI SWASTA. TERPILIH.

### KLUSTER PERSEKITARAN DIGITAL

**PENGERUSI : PENGARAH KT**

AHLI-AHLI:
1. UPEN
2. PLANMalaysia Kelantan
3. YIK
4. BPTM
5. BKPK
6. JPN KELANTAN
7. JPDP
8. SEMUA PBT
9. CGSO
10. SKMM
11. MDEC
12. NACSA
13. CYBERSECU-RITY
14. KIGSB
15. ILDAN
16. TM
17. JABATAN / AGENSI KERAJAAN NEGERI, BAHAGIAN / UNIT PEJABAT SUK, IPTA, IPTS DAN AGENSI SWASTA TERPILIH.

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Bagi memastikan kejayaan pelan ini, ianya perlu dilaksanakan secara profesional dan sistematik melalui entiti yang ditubuhkan dengan peranan dan tanggungjawab berikut:

(1) **Majlis Teknologi Maklumat Negeri Kelantan** - menyediakan kepimpinan dan hala tuju dasar dan pelan.

(2) **Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri dan Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Kerajaan Negeri Kelantan** – menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan serta memperakukan pelaksanaan pelan.

(3) **Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Pelan** - berperanan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan pelan.

(4) **Kluster** - bertindak sebagai pelaksana utama dan menyediakan kepakaran teknikal serta pasukan kerja untuk pembangunan dan pelaksanaan pelan.

(4) **Pejabat Pengurusan Projek –** melaksanakan urusan pentadbiran pelan dan urus setia kepada Majlis Teknologi Maklumat Negeri, Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri dan Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Pelan.

# PENUTUP

## PENUTUP

Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan (PTEDNK) 2030 ini merupakan *blueprint* yang menggariskan hala tuju strategik ekonomi digital untuk jangka masa sehingga 2030 bagi memacu pertumbuhan ekonomi digital di Negeri Kelantan dengan mengoptimumkan peluang digital yang wujud merentas kerajaan negeri, perniagaan dan rakyat termasuk Pertubuhan Masyarakat Sivil *(Civil Society Organization (CSO))*. Dengan bertemakan **"BERSAMA MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DIGITAL"** ianya memberi peluang kepada semua pihak dalam memacu pertumbuhan ekonomi digital di Negeri Kelantan. Tema ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri kepada semua lapisan masyarakat untuk memperolehi peningkatan tahap sosioekonomi serta menikmati kesejahteraan dan tahap kualiti hidup yang lebih baik.

Pelan ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua pihak yang berkepentingan untuk melaksanakan pelan tindakan bagi mencapai visi yang telah digariskan iaitu " **Menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang sentiasa dilimpahi keberkatan, kemakmuran dan kebajikan melalui pembangunan sosioekonomi berfokuskan kepada ekonomi digital yang selari dengan kehendak syariat, inklusif, bertanggungjawab dan mampan".**

Pelan tindakan ini mengandungi 6 teras strategik, 25 strategi, 60 inisiatif dan 86 program berdasarkan teras strategik dan mengandungi 12 inisiatif dan 19 program berdasarkan empat (4) sektor terpilih. Secara keseluruhannya pelan tindakan ini mengandungi 6 teras strategik, 25 strategi, 72 inisiatif dan 105 program. Selain itu, pelan tindakan ini juga telah menggariskan 10 sasaran utama yang perlu dicapai.

Kejayaan pelaksanaan program yang dirancang di bawah inisiatif teras strategik dan sektor terpilih memerlukan kerjasama dan kolaboratif antara jabatan/agensi kerajaan negeri dan persekutuan, perniagaan, pihak industri, syarikat, rakyat termasuk CSO. Usaha merentasi sempadan antara rakyat, organisasi dan dalam institusi sektor awam yang telah dilaksanakan perlu diteruskan bagi memantapkan lagi kerajaan yang saling berhubung dan seterusnya mencapai aspirasi **Digital Kelantan** dan sekaligus inisiatif **MyDIGITAL**.

Pada kesempatan ini, Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam usaha untuk menghasilkan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 (PTEDNK 2030).

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
ARAS 1, BLOK 6, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15503 KOTA BHARU, KELANTAN